**Bantuan ke IPT, ibu bapa & pelajar syukur** MS 15



**Tarikan terbaru Komtar** MS 23



PERCUMA

**buletin Mutiara**

www.buletinmutiara.com





**16 – 30 SEPTEMBER, 2016**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# 320 unit RMM Jenis B (KSR) S. P. Chelliah khas untuk Bumiputera P. Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – **Pembelian 320 unit Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis B (Kos Sederhana Rendah, KSR) di The Rise, S.P. Chelliah oleh Kerajaan Negeri melalui Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang adalah atas inisiatif untuk memberi keselesaan kepada rakyat Bumiputera negeri ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **sebagai galakan terutamanya kepada Bumiputera untuk memiliki kediaman di tengah-tengah kawasan bandar, Kerajaan Negeri melalui Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah wang bagi membeli lebih daripada 30 peratus kuota peruntukan yang ditetapkan untuk lot Bumiputera projek tersebut**.

"Untuk tujuan ini, peruntukan sejumlah RM44.6 juta dari akaun tersebut digunakan untuk membeli 320 daripada 770 unit KSR Jenis B daripada pihak pemaju, Tetuan Zubicon Sdn. Bhd. (Zubicon).

"Walau bagaimanapun, daripada jumlah (harga) sebenar pembinaan seunit KSR di pasaran iaitu RM140,000, hanya bayaran sebanyak RM72,500 seunit bagi 320 KSR dengan jumlah RM23.2 juta sahaja akan dibayar kepada pihak pemaju. Bakinya, adalah sebagai sumbangan yang ditanggung oleh mereka.

"Manakala, baki RM67,500 bagi 320 KSR ini yang berjumlah RM21.6 juta akan diberikan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai sumbangan bagi menampung kerugian mereka menyerahkan tanah untuk pemajuan projek tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Jual Beli 320 Unit RMM Untuk Bumiputera di The Rise, S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu, Akaun Amanah Perumahan Bumiputera Negeri Pulau Pinang diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan MBPP diwakili oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku Pentadbir Projek, Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC). Manakala, Zubicon diwakili Pengarahnya, Lim Beng Keong.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, **harga seunit termasuk satu tempat letak kereta yang dijual kepada pembeli sepatutnya adalah RM100,000, iaitu RM72,500 untuk unit KSR dan RM27,500 bagi satu tempat letak kereta.**

**"Namun, Kerajaan Negeri telah menyerap RM27,500 dan memberikannya sebagai subsidi istimewa kepada bakal pembeli 320 unit KSR ini yang dikhaskan untuk golongan Bumiputera sahaja, dan ia tidak akan dilepaskan sekiranya tidak dapat dijual, sebaliknya tetap akan disimpan**.

**"Hasil pembayaran daripada jualan ini akan dipulangkan semula ke dalam akaun berkenaan.**

"Ini bukan amalan (kerajaan) dulu, yang mana wang pembayaran oleh pembeli tidak dipulangkan semula.

"Tetapi kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memulangkan semula pembayaran sepenuhnya (RM72,500) oleh pembeli ke dalam akaun berkenaan agar dapat digunakan semula dan beri manfaat kepada pembeli lain pada masa depan," jelasnya.

Pembangunan The Rise, S.P. Chelliah di atas tanah seluas 11.04 ekar melibatkan pembinaan 2,093 unit RMM yang terdiri daripada 770 unit KSR dengan keluasan lantai 700 kaki persegi ditawarkan pada harga RM72,500 seunit.

Diikuti 883 unit berkeluasan 800 kaki persegi dengan harga jualan RM200,000; 165 unit (900 kaki persegi, harga jualan RM300,000) dan 275 unit (1,000 kaki persegi, harga jualan RM400,000).



***POSE*** **para pengunjung yang dirakam lensa Buletin Mutiara pada pameran *United Buddy Bears* di Padang Kota Lama baru-baru ini.**
Gambar oleh **DARWINA MOHD. DAUD.** ***(Berita lanjut di muka surat 9).***

# Jimat air, kurangkan pembaziran, seru KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Paras air di Empangan Teluk Bahang pada 5 September lalu berada pada tahap rendah iaitu 45.3 peratus melepasi tahap amaran pertama iaitu 50 peratus berdasarkan bacaan yang dikeluarkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP berkata, beliau bimbang apabila paras air di Empangan Teluk Bahang kini telah menghampiri tahap amaran kedua iaitu 40 peratus.

"Meskipun bukan paras kritikal (30 peratus), namun kita (Kerajaan Negeri) bimbang apabila paras air di Empangan Teluk Bahang mencatatkan paras terendah berbanding dua lain, Empangan Air Itam (68.3 peratus) dan Empangan Mengkuang (95.2 peratus).

"Walaupun hujan lebat sejak beberapa hari kebelakangan ini, namun paras air di Empangan Teluk Bahang masih rendah," katanya pada sidang media di sini.

Mengulas lanjut, Guan Eng percaya bahawa faktor perubahan cuaca yang mendadak memainkan peranan.

"Apabila hujan, hujan sangat lebat, tetapi (keesokannya) akan panas menyebabkan air tersejat dengan cepat dan kawasan tadahan air tidak dapat menyerap air yang banyak." jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berharap agar rakyat Pulau Pinang, khasnya dapat menjimatkan penggunaan air.

**"Saya ingin menyeru rakyat Pulau Pinang agar menyokong saranan Kerajaan Negeri dan PBAPP dalam usaha mengurangkan pembaziran air di negeri ini.**

**"Sungguhpun tarif air di Pulau Pinang murah, tapi kita (Pulau Pinang) mencatatkan penggunaan air yang tinggi iaitu 300 liter padu sehari berbanding kadar nasional hanya 212 liter padu sehari.**

**"Bukan sahaja kadar tarif rendah, malah kualiti air juga yang terbaik di Malaysia dalam kuantiti yang banyak, tetapi janganlah membazir air, sama-samalah kita berjimat-cermat"** seru Guan Eng.

# PBAPP guna klorin rawat air, elak kencing tikus

**GEORGE TOWN** – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) menggunakan klorin bagi merawat air mentah sekaligus membunuh bakteria yang boleh menyebabkan *leptospirosis* atau penyakit kencing tikus.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dalam kenyataan akhbar bertarikh 2 September lalu memaklumkan bahawa penggunaan klorin itu adalah berlandaskan tatacara operasi standard PBAPP.

"Ia (penggunaan klorin) adalah tatacara operasi standard kami (PBAPP) untuk mengekalkan kebersihan dan keselamatan semua loji rawatan air setiap hari, juga memastikan kualiti dan keselamatan air terawat di Pulau Pinang.

"(Malah) air paip di negeri ini dianggap selamat setiap masa dan tiada sebarang insiden *leptospirosis* atau penyakit bawaan air lain yang disebabkan oleh air terawat di Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan tersebut di sini.



IR. Jaseni Maidinsa.

Menurutnya, penggunaan klorin juga adalah untuk memastikan keselamatan kakitangan PBAPP yang bertugas di Loji Perawatan Air (LPA) bebas dari ancaman *leptospirosis*.

Jaseni dalam pada itu memberitahu, PBAPP turut menasihati orang ramai khususnya pekhemah dan pendaki supaya memasak air mentah sebelum minum atau membawa sendiri bekalan air minuman.



KAKITANGAN Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menunjukkan keadaan sawah di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara ekoran kejadian *Super El Nino* April lalu.

# Warna-warni Aidiladha

**UMAT** Islam di Pulau Pinang turut tidak ketinggalan melaksanakan ibadah korban, sempena Aidiladha baru-baru ini.

Di Balik Pulau, lensa akhbar Buletin Mutiara sempat merakamkan aktiviti sembelihan lembu di beberapa masjid sekitar parlimen ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Halil Sabri Hamid (PPK Teluk Bahang) antara individu yang melaksanakan ibadah korban pada kali ini.

Saksikan gambar warna-warni Adiladha ini.



KELIHATAN sekumpulan anak muda kariah Masjid Simpang Empat, Balik Pulau melapah lembu korban sempena sambutan ibadah Aidiladha.



AHLI-ahli kariah setempat di khemah utama dekat perkarangan Masjid Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau dirakam sedang memotong daging lembu korban untuk diagihkan kepada golongan terpilih di sini pada sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

# Exco agresif lawat tapak projek rumah awam supaya lancar ikut jadual

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU MAUNG** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya secara lebih agresif akan terus meninjau tapak-tapak pemajuan perumahan awam di seluruh negeri ini, supaya kerja-kerja boleh siap mengikut jadual.

Beliau berkata demikian ketika melawat tapak projek pembinaan dua blok rumah pangsa Duo Residensi Teluk Kumbar di sini, 6 September lalu.

"Kalau ikut jadual (kerja-kerja di tapak pemajuan), sepatutnya 27.5 peratus siap, tetapi keadaan sebenar ketika ini (6 September 2016) baru 26.5 peratus siap, ertinya 1 peratus ketinggalan.

"Kita perlu memahami perbezaan antara projek (Fasa 1 Bandar Cassia) Batu Kawan dan di Teluk Kumbar, di tapak ini (Duo Residensi) adalah tapak pemajuan yang lebih mencabar kerana kerja-kerja pembinaan di kaki bukit.

"Kita (Kerajaan Negeri) mahu memastikan kerja-kerja pembinaan rumah awam lancar mengikut jadual," katanya.

Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun, pegawai-pegawai Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri serta wakil Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut sertai lawatan tersebut.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, syarikat kontraktor Teh Kean Sai Sdn. Bhd. memajukan projek tersebut di atas tanah lot 865, 866 dan 873 dekat Mukim 9 Daerah Barat Daya di Jalan Teluk Kumbar sejak bulan Julai 2014 dan dijadualkan siap pada Disember 2017.

"Blok pertama 26 tingkat terdiri daripada 175 unit rumah dengan luas lantai 850 kaki persegi, luas lantai 1,000 kaki persegi (174 unit). Manakala satu blok lagi 25 tingkat terdiri daripada 346 unit rumah dengan luas lantai 700 kaki persegi," jelasnya.

Daripada maklum balas wakil pemaju, Jagdeep memberitahu, komponen lain yang turut dibina di sini antaranya, dua unit kedai pejabat empat tingkat, pejabat tiga tingkat (5), parkir tujuh tingkat (1 blok) dan surau di bumbung bangunan tersebut.

Sebelum itu, Jagdeep turut membuat tinjauan kerja-kerja pemajuan projek pembangunan bercampur yang keseluruhannya mengandungi 25 fasa atas tanah lot baharu 282 dekat Mukim 13 di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Katanya, kerja-kerja pemajuan fasa satu 'Suria 1' Bandar Cassia, Batu Kawan terdiri oleh 520 unit rumah mampu milik (RMM) itu sepatutnya telah siap 73 peratus, tetapi ketika ini ketinggalan 3 peratus di belakang.

"Mengikut pecahan, 520 unit RMM itu terdiri daripada 273 unit rumah dengan luas lantai 1,000 kaki persegi, luas lantai 900 kaki persegi (98) dan luas lantai 800 kaki persegi (149)," ujarnya.

Difahamkan, kontraktor Buildtech Project Management Sdn. Bhd. memulakan kerja-kerja pemajuan pada Disember 2013 dan dijangka siap sepenuhnya Disember tahun ini.

Fasa 1 projek itu terdiri oleh tiga blok pangsapuri, lima unit kedai (*lock up shop*) serta satu blok tiga tingkat untuk parkir kereta dan motosikal.

Dua blok pangsapuri kos sederhana rendah (KSR) 12 tingkat dan 14 tingkat (KSR Jenis A) masing-masing terdiri daripada 149 unit rumah.

Satu lagi blok pangsapuri KSR Jenis B setinggi 19 tingkat terdiri daripada 222 unit RMM.

Sehingga Disember 2023, sebanyak 26,255 unit RMM pelbagai kategori akan dibina di negeri ini, iaitu 7,117 unit di bahagian pulau dan 19,138 unit lagi di bahagian Seberang Perai.

Sila rujuk jadual dilampirkan:



**JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri), Ng Wei Aik (tiga dari kiri), Jeff Ooi Chuan Aun (lima dari kiri), kakitangan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pemaju pada sesi lawatan ke tapak projek Duo Residensi Teluk Kumbar di sini 6 September lalu.**



**RUPA bentuk unit kediaman fasa satu 'Suria 1' Bandar Cassia, Batu Kawan.**

**Jadual Projek Pembinaan RMM Pelbagai Kategori Di Pulau Pinang (Sehingga Februari 2023)**

| No | Nama Projek | Daerah | Jenis A (KR) | Jenis B (KSR) | Jenis C (Mampu Milik) | Jumlah (Unit) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Teluk Kumbar | DBD | - | 346 | 348 | 694 |
| 2 | Jelutong | DTL | - | 310 | 444 | 754 |
| 3 | Pintasan Cecil | DTL | - | 348 | - | 348 |
| 4 | SP Chelliah | DTL | - | 770 | 1,323 | 2,093 |
| 5 | Sandiland | DTL | - | 321 | 482 | 803 |
| 6 | Perak Road | DTL | - | 200 | 2,225 | 2,425 |
| 7 | Bandar Cassia | SPS | - | 3,372 | 8,428 | 11,800 |
| 8 | Kampung Jawa | SPU | - | 353 | 354 | 707 |
| 9 | Ampang Jajar | SPU | - | 600 | 600 | 1,200 |
| 10 | Mak Mandin | SPU | 187 | - | - | 187 |
| 11 | Kampung Main Road | SPT | - | 560 | 560 | 1,120 |
| 12 | Bukit Mertajam | SPT | - | 408 | 408 | 816 |
| 13 | Juru | SPT | - | 800 | 800 | 1,600 |
| 14 | Ujung Batu | SPU | 600 | - | 1,108 | 1,708 |
| **JUMLAH** | | | **787** | **8,388** | **17,080** | **26,255** |

| No | Nama Projek | Unit | Kelulusan Pelan Merancang (PM Approval) | Kelulusan Pelan Bangunan (BP Approval) | Sijil Mula Kerja (COW) | Sijil Siap Bina (CPC) | Sijil Layak Menduduki (CCC) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Teluk Kumbar | 694 | Sept. 2013 | Nov. 2013 | Jul. 2014 | Dis. 2017 | Jun 2018 |
| 2 | Pintasan Cecil | 348 | Dis. 2014 | - | Apr. 2019 | Sept. 2021 | Apr. 2022 |
| 3 | SP Chelliah | 2,093 | Jul. 2014 | Okt. 2014 | Jan. 2015 | Dis. 2018 | Jun 2019 |
| 4 | Bandar Cassia | 11,800 | Okt. 2014 | Jan. 2014 | Dis. 2013 | Dis. 2016 | Jun 2017 |
| 5 | Kampung Jawa | 707 | Feb. 2014 | Nov. 2014 | Nov. 2014 | Ogos 2017 | Feb. 2018 |
| 6 | Ampang Jajar | 1,200 | Apr. 2015 | - | Mac 2020 | Feb. 2023 | Ogos 2023 |
| 7 | Mak Mandin | 187 | Dis. 2015 | Jan. 2016 | Nov. 2019 | Mac 2022 | Sept. 2022 |

# Bentang enakmen baru ternak khinzir di DUN Nov. - Exco



DR. Afif Bahardin menunjukkan propasal pemasangan perangkap lalat di *GEMS International School* oleh MPSP bermula 6 September lalu di sini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI BAKAP –** Kerajaan Negeri akan membentangkan rang undang-undang bagi enakmen penternakan khinzir pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang November ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, suatu dasar baharu akan digubal dengan memberi lebih kuasa kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar demi menjamin keselamatan makanan, kebersihan operasi ladang serta memberi keselesaan hidup untuk komuniti sekeliling.

"(Enakmen penternakan khinzir) ini adalah enakmen baharu yang akan memberi lebih kuasa kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, juga untuk menangani isu pencemaran air dan udara.

"Dari segi garis panduan, denda dan hukuman dalam enakmen yang akan dibentangkan ini akan lebih ketat," jelasnya kepada pemberita selepas meninjau sendiri sekitar kawasan *GEMS International School* dekat Bandar Tasik Mutiara di sini 5 September lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee yang juga Timbalan Yang di-Pertua DUN serta wakil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Dalam lawatan itu, Afif menyatakan bahawa Pengetua GEMS International School, Glen Mundy memaklumkan mengenai masalah lalat dekat sekolah swasta itu, dipercayai dari kawasan ladang ternak haiwan di sini.

"Ini adalah projek inovatif MPSP, kita (MPSP) akan pasang perangkap lalat di Sekolah Antarabangsa GEMS (*GEMS International School*) bermula 6 September (2016).

"Kita akan pasang satu dahulu dan kita akan tengok bagaimana keberkesanannya, kebetulan ketika ini iklim lembab dan hujan," ujarnya yang juga ADUN Seberang Jaya.

Dalam perkembangan lain, Afif memberitahu, Kerajaan Negeri masih belum meneliti garis panduan terbaru Kerajaan Pusat mengenai kewajipan pemasangan perangkap nyamuk solar demi mencegah penularan virus Zika, untuk diimplementasikan di Pulau Pinang juga.

Difahamkan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mewajibkan pemasangan perangkap nyamuk solar di setiap projek Program Perumahan Rakyat (PPR) serta projek penarafan kawasan rekreasi, di bawah penyelenggaraan kementerian.

# Hasrat rampas PP, rakyat perlu waspada - Guan Eng

**SUNGAI PUYU –** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, rakyat Pulau Pinang wajar berwaspada dengan 'mereka' yang bersubahat untuk memastikan Kerajaan Negeri hari ini berpindah tangan kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan datang.

"Mereka nampaknya yakin, ini saya rasa rakyat kena lihat ke atas mereka yang nampaknya terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung bersubahat dengan UMNO, dengan mengeluarkan berita fitnah politik ke atas negeri Pulau Pinang secara tanpa asas.

"Termasuk juga media-media massa tertentu yang membuat kritikan ke atas Kerajaan Negeri (secara) tanpa asas (bukti)," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Wat Photichareantham di sini baru-baru ini.

Tegas Guan Eng, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini wajar terus dipertahankan supaya segala insentif kebajikan melalui Program-Program Emas boleh terus diagihkan kepada rakyat terbanyak nanti.

"Apa akan jadi jika UMNO tawan balik Pulau Pinang, apakah nasib rakyat di negeri ini? Manfaat-manfaat yang dinikmati (di negeri ini) seperti RM100 untuk warga emas, ibu emas dan sebagainya yang kita (Kerajaan Negeri) agih setiap tahun, semua ini akan 'habis'," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng berkata demikian bagi mengulas kenyataan seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO yang dinyatakan dalam persidangan parti peringkat bahagian Bayan Baru baru-baru ini.

# Kajian semula Akta Kawalan Sewa, KN perhalusi 2 perkara utama

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri kini sedang dalam peringkat kajian semula Akta Kawalan Sewa bagi memastikan pemilik rumah atau premis di zon Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini tidak sewenang-wenangnya meningkatkan kadar sewa masing-masing.**

**Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, kajian tersebut bakal membabitkan dua perkara utama sebelum ia diputuskan sama ada akan diperkenalkan semula atau sebaliknya.**

"Pertama, dari sudut perundangan, kita (Kerajaan Negeri) telah rujuk perkara ini dengan Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang dan memohon pandangan beliau.

"Apa yang kita perlu perhalusi ialah adakah ia (Akta Kawalan Sewa) boleh diperkenalkan semula kerana pada tahun 1997, Kerajaan Negeri Pulau Pinang (ketika itu) termasuk semua Kerajaan Negeri lain di Malaysia telah bersetuju untuk memansuhkan akta ini.

"Di atas persetujuan bersama inilah, timbul persoalan adakah kita (Kerajaan Negeri) boleh mengembali atau memperkenalkannya semula seperti keadaan sebelumnya (sebelum tahun 1997)," ujarnya ketika diajukan soalan berhubung perkara berkaitan selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli 320 Rumah Mampu Milik di The Rise, S.P. Chelliah di sini baru-baru ini.

Difahamkan, laporan beberapa akhbar tempatan sejak awal bulan ini menggamit perhatian banyak pihak apabila mendedahkan tindakan sebuah firma hartanah dipercayai dari Singapura yang bertindak membeli sebahagian besar bangunan warisan di George Town.



JAGDEEP Singh Deo.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, perkara kedua adalah Kerajaan Negeri kini dalam proses mengumpul maklumat lanjut berhubung berapa banyak rumah atau premis yang telah terjejas ekoran maklum balas berkaitan.

"Kalau banyak, baru kita boleh pertimbangkan dan kaji sama ada nak buat (pengenalan semula) sedemikian atau tidak.

"Saya harap maklumat dapat dikumpul secepat mungkin bagi membolehkan maklumat-maklumat berkaitan disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri dan barulah keputusan dibuat sama ada perlu atau tidak Akta Kawalan Sewa diwujudkan semula di Pulau Pinang," jelas beliau.

# KM rayu Kerajaan Pusat jangan halalkan 'along' perumahan

**PENAGA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merayu supaya Kerajaan Pusat tidak mengeluarkan lesen pemberi pinjaman wang kepada pemaju perumahan di tanah air ini.

Beliau berkata demikian selepas mengagihkan 300 bungkus beras dan daging mentah kepada umat Islam terpilih, sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

"Saya pun tak faham bagaimana Kerajaan Persekutuan boleh harapkan 'along'.

"Jangan benarkan pemaju beri pinjaman di bawah Akta (Pemberi) Pinjam Wang, yang riba boleh dikira sampai 18 peratus.

"Janganlah nak kenakan kadar riba sampai 18 peratus, ini cukup teruk ke atas rakyat," katanya pada majlis penyampaian sumbangan di Kampung Permatang Bongor dekat Penaga di sini.



**KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sebagai persediaan sambutan Hari Raya Aidiladha pada majlis yang diadakan di Kampung Permatang Bongor, Penaga di sini baru-baru ini.**

Turut serta, Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng dan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail.

Berdasarkan Akta Pemberi Pinjam Wang, 1951, kadar faedah yang boleh dikenakan adalah 12 peratus setahun bagi pinjaman berjamin dan 18 peratus setahun bagi pinjaman tanpa jaminan.

Maka Guan Eng menyatakan, syor Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar baru-baru ini untuk mengeluarkan lesen pemberi pinjaman wang kepada pemaju perumahan akan membolehkan mereka mengenakan kadar faedah semaksimum mungkin ke atas pembeli rumah mampu milik (RMM), berbanding 6 peratus faedah yang dikenakan oleh bank-bank kini.

Justeru, Guan Eng sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya kembali melonggarkan syarat permohonan pinjaman perumahan demi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah idaman pertama mereka masing-masing.

# Rancang & laksana 60 projek RTB atasi banjir - Exco




**CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) ditemani Sabri Abdul Mulok (kiri sekali) melihat kegunaan *Rubbish Filter Trap (Rub-Fit)* yang didemonstrasikan oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPS Daerah Timur Laut sempena sambutan Hari Inovasi JPS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**DATUK KERAMAT** – Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir dalam perancangan menyediakan pelan induk saliran dan tebatan banjir melibatkan lima daerah di Pulau Pinang sebagai merungkai masalah banjir kelak.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan agensi-agensi berwajib termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), majlis-majlis daerah, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dalam menyediakan pelan induk berkenaan.

Menurutnya, **rancangan sudah berjalan dan Kerajaan Negeri kini dalam proses pelaksanaan jangka panjang melibatkan hampir 60 projek rancangan tebatan banjir (RTB) seluruh negeri.**

**"Kita (MMK Tebatan Banjir) telah mengenal pasti hampir 60 lokasi untuk dilaksanakan RTB yang bakal membabitkan nilai berbilion ringgit, dan inilah cabaran utama dalam pelaksanaan projek ini**," ujarnya selepas merasmikan Projek RTB Sungai Pinang sempena Hari Inovasi JPS Pulau Pinang di Pusat Informasi Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah JPS Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok.

# RTB Sungai Pinang, KN masih tunggu keputusan Pusat

**DATUK KERAMAT** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu bahawa punca utama berlakunya kejadian banjir membabitkan beberapa kawasan pada 2 September lalu adalah disebabkan air di Sungai Jelutong dan Sungai Pinang melimpah keluar ekoran kejadian hujan yang sangat lebat dalam tempoh 2 jam.

Katanya, hujan yang turun dari jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi menyebabkan kedalaman paras air berjumlah 300–600 milimeter (mm). Namun, tiada sebarang perpindahan penduduk yang dilaporkan.

"Kawasan yang terlibat dalam banjir ialah di Jalan Mayang Pasir dan Jalan Datuk Ismail Hashim, Daerah Barat Daya yang melibatkan kawasan di sekitar Pusat Membeli-Belah Sunshine, Hotel Sri Malaysia, Hospital Pantai, Pasaraya Giant dan SPICE dengan keamatan hujan 127mm/jam.

"Manakala di Daerah Timur Laut, melibatkan Jalan P. Ramlee, Jalan Ismail Che Mat, Jalan Paya Terubong dan Jalan Persiaran Bukit Jambul 2 dengan keamatan hujan 91mm/jam.

"Punca utama berlakunya banjir adalah disebabkan oleh air di Sungai Jelutong dan Sungai Pinang melimpah keluar berikutan daripada hujan yang sangat lebat selama 2 jam," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, **penyelesaian jangka pendek bagi mengurangkan masalah banjir adalah dengan membersihkan sampah sarap yang tersumbat di parit tepi jalan supaya aliran air hujan dapat mengalir dengan lancar.**

**"Penyelesaian jangka panjang adalah dengan menaiktaraf pembentung di parit Jalan Tun Dr. Awang, Daerah Barat Daya dan sistem saliran di tepi jalan, yang mana masih dalam peringkat reka bentuk oleh Jurutera Perunding.**

**"Bagi kawasan Sungai Pinang, Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan kepada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, dan Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan daripada Kerajaan Pusat berkenaan status permohonan ini**," jelas beliau.

# SPICE bakal lonjak status P. Pinang di peta dunia

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS –** Kerja-kerja pembinaan *Subterranean Penang International Conference & Exhibition Centre* (SPICE) bernilai RM750 juta (termasuk *business hotel* bertaraf empat bintang) yang dimajukan oleh Kumpulan SP Setia Bhd. (SP Setia) adalah mengikut jadual pelaksanaan projek.

Pengurus Besar SP Setia, Ng Han Seon berkata demikian pada sesi taklimat sempena lawatan kerja Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ke tapak projek baru-baru ini.



KETUA Menteri, Ng Han Seon (empat dari kanan), kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil SP Setia ketika mengadakan lawatan kerja ke SPICE di sini baru-baru ini.



STRUKTUR-struktur piramid dan 'mahkota' yang dalam proses pembinaan.

Menurutnya, sebanyak 75 peratus kerja-kerja pembinaan pusat konvensyen SPICE telah siap dan majlis pertama yang bakal diadakan di lokasi berkaitan adalah pada April 2017.

"Bagi hotel dengan nilai pelaburan RM300 juta, pembinaan fasa pertama membabitkan 25 tingkat dengan 453 kamar telah dimulakan pada Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019.

"Maklumat terperinci mengenai fasa dua bakal diumumkan kelak termasuk nama hotel yang kini masih belum ditetapkan," katanya pada sesi berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Kawalan Bangunan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ar. Yew Tung Seang.




ILUSTRASI artis bagi pusat konvensyen SPICE.

Difahamkan, lima pentas utama, ruang istirehat, 785 kotak parkir lima tingkat antara komponen dalam pemajuan fasa pertama hotel tersebut. Bahagian utama fasa pertama hotel itu akan bersambung dengan bumbung atas tingkat tiga stadium tertutup SPICE.

Selain itu, sistem solar terbesar di Pulau Pinang yang boleh menjana 984 megawatt setahun akan turut dimajukan di sini.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, projek yang dirancang siap sepenuhnya pada tahun 2019 itu akan melonjakkan lagi status Pulau Pinang dalam peta tarikan antarabangsa.

"Ini adalah projek bertaraf antarabangsa...akan meletakkan Pulau Pinang dalam peta dunia," ujarnya pada sidang media yang diadakan pada pertengahan lawatan.

## Parkir tambahan lokasi riadah Teluk Bahang, jangka siap sebelum Krismas

Gambar : **PBAPP**

**GEORGE TOWN –** Sebagai penyelesaian terhadap masalah kekurangan parkir membabitkan lokasi-lokasi riadah berhampiran Empangan Teluk Bahang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) menerusi cadangan daripada Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menyediakan ruang parkir tambahan untuk pengunjung

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, **hasil perbincangan, pihaknya telah mengenalpasti kawasan lapang yang terletak berhadapan dengan Taman Rimba Teluk Bahang, bersebelahan stesen pam empangan untuk dibangunkan sebagai ruang parkir.**

**"Ia merangkumi kawasan seluas 4,500 meter persegi serta boleh menempatkan 30 buah kereta dan 12 bas dalam satu-satu masa dengan anggaran kos berjumlah RM400,000.**

**"Pihak PBAPP akan memanggil tender terbuka dan menjangkakan projek bermula pada Oktober ini dan siap menjelang sambutan Hari Natal** (Disember 2016)," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.



SESI lawatan tapak pihak kontraktor sebagai syarat proses tender terbuka bagi pemajuan ruang parkir tambahan di Teluk Bahang.

Turut sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP dan Setiausaha Politiknya, Wong Hon Wai merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam.

Mengulas lanjut, **Jaseni memaklumkan bahawa tiada sebarang penebusan guna hutan yang bakal berlaku kerana lokasi dicadang merupakan kawasan lapang yang landai.**

Jelasnya, atas faktor keselamatan, tempoh masa operasi kawasan parkir dijangka bermula pada pukul 7 pagi sehingga 7 malam.

"Pihak kami (PBAPP) akan menempatkan pengawal keselamatan di kawasan tersebut dan oleh kerana kawasan tersebut merupakan kawasan milikan PBAPP, waktu operasi parkir turut dikawal atas faktor-faktor keselamatan," ujar beliau.

# Sasar P. Pinang jadi 'negeri hijau pertama negara' sebelum 2020

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG LALANG –** Sekurang-kurangnya kadar kitar semula negeri mesti melebihi 40 peratus untuk melayakkan Pulau Pinang dikenali sebagai 'negeri hijau pertama negara' sebelum tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, 32 peratus kadar kitar semula negeri ketika ini masih tertinggi di Malaysia, berbanding 10.5 peratus kadar kitar semula kebangsaan.

"Kerajaan Negeri hanya mahu menjadi negeri hijau pertama di Malaysia sebelum tahun 2020," jelasnya pada Majlis Pelancaran Amalan Pengasingan Sisa Di Punca Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O. di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, komuniti penduduk juga wajar mencari jalan untuk mengurangkan penjanaan sampah.

Tambah beliau, peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan MPSP mampu dijimatkan hampir RM4 juta pada tahun ini, sekiranya penjanaan sampah harian seberat 1,100 tan berjaya dikurangkan 50 peratus tiap-tiap hari, mulai bulan Mei hingga 31 Disember tahun ini.

"Selain meningkatkan peratusan kadar kitar semula, bantulah Kerajaan Negeri mengurangkan penjanaan sampah.

"Kalau kadar kitar semula sampah naik sehingga 70 peratus pun, pada masa sama jumlah penjanaan sampah juga naik, maka tiada maknanya," ujarnya.

Tambah Maimunah, **Pulau Pinang mesti bersaing dengan negara-negara maju lain, seperti Jepun dengan kadar kitar semula setinggi 77 peratus, Singapura (60 peratus) dan Korea (49 peratus).**

**"Di Jepun, hanya 3.4 peratus sahaja peruntukan perbandarannya untuk urus sampah, kita (Bajet MPSP 2016) sampai 32 peratus untuk urus sampah sahaja**," jelasnya.

Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan di seluruh negeri ini sejak 1 Jun lalu.

**Difahamkan, jumlah kutipan sampah oleh MPSP dalam tempoh bulan Januari hingga Mei tahun ini adalah seberat 172,232.56 tan, iaitu pengurangan sebanyak 17,008 tan, berbanding tempoh sama pada tahun 2015 (189,240.46 tan).**

**Direkodkan, jumlah kitar semula seberat 56,264.436 tan oleh MPSP di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini bersamaan dengan penjimatan kos sebanyak RM1,136,541.60.**



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melancarkan gimik Majlis Pelancaran Sisa Sifar di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Dalam di sini baru-baru ini.

# MPSP jimat RM12 juta setahun jika amalan sisa sifar berjaya

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**SUNGAI PUYU –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mampu menjimatkan kira-kira RM12 juta setahun sekiranya amalan sisa sifar berjaya dilaksanakan di ketiga-tiga daerah bahagian Seberang Perai.

Justeru Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap komuniti di semua peringkat saling bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca serta amalan sisa sifar.

"Amalan sisa sifar adalah satu langkah ke hadapan daripada amalan pengasingan sisa di punca, seperti di negara-negara maju.

"Apabila sisa seperti sampah juga boleh dijadikan 'faedah' serta tidak dibuang begitu sahaja (ke tapak pelupusan sampah), barulah berjaya amalan sisa sifar ini.

"Kita nak jadi negeri hijau di tahap antarabangsa juga, maka kadar kitar semula mesti lebih 40 peratus dan sekarang 32 peratus kadar kitar semula, Pulau Pinang sudah pun tertinggi di Malaysia," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Dalam di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Boh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Tambah Guan Eng, amalan sisa sifar mampu mempercepat sasaran bersama, yang mahu Pulau Pinang dikenali sebagai 'negeri hijau pertama negara' sebelum tahun 2020.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng turut merakamkan ucapan tahniah atas pelbagai pencapaian MPSP di peringkat nasional dan antarabangsa, sehingga melayakkan Maimunah dipilih sebagai Presiden baharu bagi kesemua 149 PBT Malaysia baru-baru ini.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, **kadar kitar semula MPSP sebenarnya 39 peratus ketika ini, sungguhpun kadar kitar semula Pulau Pinang adalah 32 peratus.**

**"(Kadar kitar semula MPSP dan Pulau Pinang) ini telah melebihi kadar sasaran 20 peratus yang ingin dicapai di peringkat kebangsaan menjelang tahun 2020**," jelasnya.

Tambahnya, **MPSP mampu menjimatkan RM11,110 *tipping fee* dalam sehari atau jika 50 peratus daripada 1,100 tan sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung berjaya dikurangkan kelak.**

**"Dengan pengurangan sebanyak 50 peratus sisa (baki) ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas *tipping fee* ialah RM333,000 dan untuk setahun, penjimatan MPSP akan mencecah RM4 juta**," jelas beliau.

# Contohi Copenhagen, perbandaran mesra alam

**GEORGE TOWN –** Seperti Copenhagen Denmark, rancangan perbandaran masa depan Pulau Pinang pun sepatutnya lebih menggalakkan rakyat bergerak berbanding kenderaan.

Atas maksud itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) berhasrat memperbanyakkan mod pengangkutan awam seperti transit aliran ringan (LRT), monorel dan sistem bas rapid transit (BRT).

"Pulau Pinang memerlukan pemikiran yang baharu, antaranya untuk menggerakkan rakyat, dan bukan lagi untuk menggerakkan kenderaan (peribadi di jalan raya).

"Pada masa sama, kita (Kerajaan Negeri) wajar memberi ruang awam yang lebih bebas kepada rakyat, bukan lagi kenderaan.

"Langkah yang paling efektif, antaranya adalah menyediakan sistem pengangkutan awam yang lebih selesa daripada menggunakan kenderaan sendiri," jelasnya pada Persidangan Antarabangsa Solusi Copenhagen Untuk Kemampanan Bandar di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Duta Denmark, Nicolai Ruge serta dua perwakilan lain dari negara tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Menurut Guan Eng, **Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang melaksanakan polisi menjaga alam sekitar secara bersepadu, membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT), pelabur, sekolah-sekolah dan sektor swasta.**

**"Hari Tanpa Beg Plastik, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, amalan sisa sifar, penubuhan *Penang Green Council* (PGC), 'Hari Sabtu Tanpa Kereta', mewujudkan laluan berbasikal terpanjang negara, projek tanam pokok teduh dan program kebun kejiranan merupakan antara inisiatif yang Kerajaan Negeri ini lakukan sejak tahun 2008**," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut memuji 'perbandaran hijau' Copenhagen yang berjaya menggerakkan 67 peratus pengguna jalan raya menggunakan basikal.

# Kuasai sains & teknologi demi pembangunan negara – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihati para pelajar supaya menimba ilmu serta menguasai bidang sains dan teknologi khususnya bagi menyumbang semula terhadap pembangunan negara pada masa hadapan.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan sekumpulan kanak-kanak dari rumah kebajikan bukan laba, *House of Hope* dan Children's Protection Society (CPS) Cawangan Pulau Pinang di *Tech Dome Penang* (TDP) baru-baru ini.

Kunjungan mereka ke TDP ditaja oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Cawangan Pulau Pinang sebagai pelaksanaan program atas tanggungjawab sosial korporat (CSR) pertubuhan berkenaan.

Menurut Guan Eng, proses pembelajaran dan penguasaan ilmu merupakan satu perjalanan yang berlanjutan dan bukannya terhad di bangku sekolah sahaja.

**"Kami (Kerajaan Negeri) percaya bahawa penguasaan sesuatu bidang itu perlu diperkembangkan melalui ilmu pengetahuan dan saya percaya dengan adanya *Tech Dome (Penang)*, pusat sains dan penemuan di Pulau Pinang, ia dapat mencetuskan inspirasi generasi muda, khasnya para pelajar untuk meminati bidang sains serta teknologi**," ujarnya selepas meluangkan masa kira-kira sejam bersama-sama kumpulan kanak-kanak berkaitan baru-baru ini di sini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Pengerusi REHDA Cawangan Pulau Pinang, Datuk Toh Chin Leong dan Pengerusi Pengelola, David Fong.



SEKUMPULAN kanak-kanak teruja untuk mencuba salah satu permainan simulasi komputer di TDP pada sesi lawatan mereka baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap kunjungan tersebut dapat memberi pendedahan sekaligus meningkatkan motivasi kanak-kanak berkenaan untuk menguasai bidang sains dan teknologi.

Selain TDP, kumpulan kanak-kanak berkenaan turut dibawa ke *Entopia* yang dahulunya dikenali sebagai Taman Rama-rama Pulau Pinang.

# Projek sambungan Jalan Bunga Hinai – Jalan Kaca Piring siap

**TANJUNG BUNGA –** Setelah ditangguhkan pada 2012 atas faktor pemindahan serta penempatan penduduk asal, projek sambungan jalan sepanjang 100 meter menghubungkan Jalan Bunga Hinai dengan Jalan Bunga Kaca Piring berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Hun Bin di sini akhirnya siap.

Majlis perasmian pembukaan jalan berkaitan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit; Pegawai Daerah Timur Laut, Jusni Ismail dan Pengerusi SJKC Hun Bin, Chew Tatt Hoy.

Ketika menyampaikan ucapan perasmian, Guan Eng memaklumkan bahawa projek berkaitan ditangguhkan kerana melibatkan pemindahan dan penempatan 10 keluarga di enam buah rumah setinggan yang terletak di atas jajaran jalan terbabit.

"Proses penempatan semula bagaimanapun telah selesai pada akhir November 2014, setelah Kerajaan Negeri menempatkan mereka di perumahan kos rendah Taman Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau dan di i-Park, Jalan Dato' Ismail Hashim.

"Projek ini kemudiannya ditenderkan semula pada tahun 2015 dan telah melantik syarikat Syifa Bina Sdn. Bhd. dengan tawaran tender terendah, RM1,878,000.

"Projek dimulakan pada 14 Februari 2015 dan siap sepenuhnya 16 Mei lalu (2016)," ujarnya yang berharap agar projek berkenaan dapat memanfaatkan penduduk setempat sekaligus melancarkan aliran trafik sekolah tersebut.

Selain itu, Guan Eng memberitahu bahawa **Kerajaan Negeri memperuntukkan RM32.7 juta bagi pelaksanaan enam projek pembinaan dan penarafan jalan dengan anggaran keseluruhannya berjumlah RM86.3 juta.**

"Empat daripadanya akan dilaksanakan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan satu projek di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Bagi Daerah Timur Laut (DTL), satu projek telah siap dilaksanakan iaitu pembinaan jalan ini yang akan memendekkan perjalanan dari Jalan Bunga Hinai ke Jalan Bunga Kaca Piring," jelas beliau.



SAMBUNGAN Jalan Bunga Hinai ke Jalan Bunga Kaca Piring yang telah siap dan sedia digunakan.



# Sumbangan demi kehidupan lebih kualiti

**BERAMAL...** *The Federation of Malaysia Manufacturers Penang* (FMM) dengan kerjasama OCBC Bank (Malaysia) Berhad (OCBC) berjaya mengumpul RM380,000 menerusi penganjuran amal, *FMM-OCBC Heritage Walk & Cycle* baru-baru ini.

Pengerusi Penganjur, Jimmy Ooi berkata, dana tersebut akan disalurkan kepada pertubuhan kebajikan berdasarkan matlamatnya untuk menyumbang kepada kehidupan kanak-kanak yang lebih berkualiti.

"Tahun ini, kami (barisan penganjur) meluaskan skop dan RM300,000 daripada dana yang terkumpul diserahkan kepada pertubuhan-pertubuhan kanak-kanak terpilih di Pulau Pinang," ujarnya pada acara penutup program berkenaan.

Hadir menyempurnakan majlis penutup ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Penganjuran tersebut berjaya menarik lebih 2,200 penyertaan dan dana yang terkumpul diserahkan kepada 20 pusat kebajikan bagi manfaat golongan kanak-kanak berkenaan.



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan sekumpulan kanak-kanak pada Majlis Penutup FMM-OCBC Heritage Walk & Cycle di sini baru-baru ini.

*Dari muka surat 1.*


RATA-rata pengunjung tidak melepaskan peluang mengunjungi pameran UBB.


SUASANA pada waktu malam.


SEBAHAGIAN 140 patung UBB yang dipamerkan.

# UBB promosi keharmonian di Esplanade

**PROMOSIKAN KEAMANAN...** Di sebalik kontroversi dan cabaran yang dihadapi, pameran *United Buddy Bears* (UBB) yang bertujuan mempromosikan keamanan, perpaduan dan keharmonian tetap diteruskan.

Berdiri teguh di Esplanade atau Padang Kota Lama, sebanyak 140 patung UBB setinggi 2 meter dari serata dunia bukan hanya mencuri tumpuan pengunjung tempatan, malah juga negeri dan negara.

Pameran UBB dianjurkan oleh syarikat E-Plus Global Sdn. Bhd. dan disokong oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Penang Global Tourism* (PGT).

Jangan lepaskan peluang ini. Jom ke Esplanade! Saksikan sendiri keunikan pameran UBB yang bakal melabuhkan tirai pada 30 Oktober ini.


PARA pelancong tidak melepaskan peluang merakam gambar sebagai kenangan.

# KN alu-alukan syarikat francais ke P. Pinang - Rashid

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PANTAI JEREJAK –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap iklim ekonomi dunia yang kian mencabar kebelakangan ini tidak akan memberi kesan berantai yang teruk kepada perkembangan industri francais di Malaysia.

Malah, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak juga berharap lebih banyak syarikat francais tempatan dan antarabangsa datang melabur di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri sememangnya mengalu-alukan kedatangan syarikat-syarikat francais ke Pulau Pinang, di samping memperkembangkan '*public private partnership*'," ujarnya pada penganjuran Seminar Francais 4.0 oleh *ASEAN Retail-Chains and Franchise Federation* (ARFF) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden ARFF, Datuk Richard Koh.

Menurut Mohd. Rashid, ketika ini, begitu banyak industri francais tempatan menempa nama di persada antarabangsa, antaranya rangkaian restoran *Marry Brown*.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) bergambar kenangan dengan sebahagian barisan penganjur dan peserta Seminar Francais 4.0 di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat turut memuji inisiatif penganjur seminar memberi tunjuk ajar kepada penggiat baru di sini, seperti konsep program mentor.

"Saya berharap usahawan muda termasuk yang berbangsa Melayu supaya memberanikan diri menempuhi industri francais, yang masih mempunyai prospek perniagaan baik di negeri ini," serunya.

Persatuan Francais Malaysia (MFA) pada penghujung bulan Julai lalu dilaporkan memberitahu bahawa industri francais terus berada pada laluan pertumbuhan yang kukuh berdasarkan perkembangan sebanyak 15 hingga 20 produk francais baharu di dalam dan luar negara, walaupun iklim ekonomi yang mencabar.



# Syabas & tahniah 3 atlet paralimpik negara, Prof. Dr. Muzlifah Haniffa - Guan Eng

**RAKYAT** Malaysia menerima hadiah paling istimewa sempena sambutan Hari Raya Aidiladha apabila tiga atlet paralimpik negara memenangi pingat emas buat julung kalinya dalam Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro.

Tiga pingat emas ini dalam Paralimpik Rio bukan sahaja mencipta rekod dunia, tetapi juga memberikan galakan bahawa atlet Malaysia boleh mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa, bukan sekadar jaguh kampung tetapi boleh jadi jaguh dunia.

Syabas dan tahniah kepada ketiga-tiga atlet, Abdul Latif Romly, Ridzuan Mohamad Puzi dan Ziyad Zolkefli yang mengharumkan nama Malaysia. Akhirnya pihak Kerajaan Persekutuan boleh menampakkan sedikit kejayaan dalam bidang sukan. Mungkin pihak Kementerian Belia dan Sukan boleh mengkaji rahsia kejayaan mereka agar ia dapat diulangi dalam kalangan atlet dalam Sukan Olimpik akan datang di Tokyo pada 2020.

Pada masa yang sama seorang wanita yang berasal dari Pulau Pinang, Professor Dr. Muzlifah Haniffa daripada Newcastle University di England, juga mengharumkan nama Malaysia dan Pulau Pinang dengan mendapat *Lister Institute Research Prize Fellowship* pada bulan Mei atas kaji selidik beliau dalam sistem immunologi. Hadiah ini sebanyak £200,000 (RM1.09mil) dianugerahkan kepada beliau untuk menjalani kajian selidik immunologi yang lebih mendalam, hanya diberikan kepada para penyelidik sains yang paling terkemuka.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat bangga dengan kejayaan Professor Dr. Muzlifah dan akan meraikan pencapaian terunggulnya apabila beliau pulang ke Pulau Mutiara sebagai suatu pengiktirafan kepada prestasi cemerlang ini. Syabas dan tahniah kepada Professor Dr. Muzlifah yang memberikan keyakinan bahawa Malaysia dan Pulau Pinang Boleh!

Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha!

**LIM GUAN ENG**
**12 September 2016**



**PROF. Dr. Muzlifah Haniffa. *(Sumber: twitter.com/muzz_haniffa).***

## Pinjaman tanpa faedah TUTM modal kembang ternakan ayam piru - Shafinaz

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**MUHAMMAD Fakrul Azim Yusof (dua dari kiri) menerima cek pinjaman mikro kredit TUTM daripada Ketua Menteri sambil diperhatikan Dr. Afif Bahardin (tiga dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyampaikan cek pinjaman mikro kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) kali kedua kepada lima petani dan empat penternak terpilih baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, penerimaan kali pertama sebelum ini adalah membabitkan 24 penerima, meliputi kategori pertanian, penternakan dan perikanan.

Hadir sama, tiga Exco Kerajaan Negeri, Chow Kon Yeow, Jagdeep Singh Deo serta Dato' Abdul Malik Abul Kassim.



**NOOR Shafinaz Ismail.**

Difahamkan, TUTM dilancarkan pada 13 Jun 2014 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, sempena Majlis Perasmian Agrofest Pulau Pinang tahun itu.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM250,000 setahun, dengan memberi pinjaman mikro kredit maksimum sejumlah RM5,000 tanpa faedah demi menggalakkan golongan muda dan pengusaha di bawah usia 40 tahun terlibat dalam tiga sektor berwajib di Pulau Pinang.



**MUHAMMAD Fakrul Azim Yusof.**

Salah seorang penerima, **NOOR SHAFINAZ ISMAIL**, 32, yang ditemui Buletin Mutiara memberitahu, pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 akan dijadikan modal untuk mengembangkan bidang ternakan ayam piru beliau di Kampung Permatang Manggis dekat Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

"Saya sedang mengintai peluang untuk ternak ayam kampung juga selepas ini memandangkan permintaan yang menggalakkan," ujarnya sambil ditemani suami, Kamarul Adanan, 32.

Tambah Noor Shafinaz, ternakan ayam piru di negeri ini sebenarnya mempunyai prospek pasaran yang agak baik, terutama pada musim perayaan.

Penerima muda, **MUHAMAD FAKRUL AZIM YUSOF**, 19, pula berkata, pinjaman yang diterimanya akan digunakan untuk membeli enjin pam serta menaiktaraf sistem perpaipan di kebunnya.

"Apabila dapat menambah baik dua perkara tersebut, ianya secara tidak langsung diharap dapat memajukan lagi sektor cucuk tanam (sayur-sayuran) yang saya usahakan ini," ujarnya yang mula menceburkan diri dalam sektor tersebut sejak berumur 10 tahun.

Seorang lagi penerima, **MOHD. IZUAN ISHAK**, 25, memberitahu bahawa pinjaman mikro kredit itu akan dimanfaatkan sebagai modal pusingan di kebun sayurnya di Kampung Labu Banting dekat Tasek Gelugor, SPU.

Bagi **JULIA CHE ROS**, 32, pinjaman TUTM itu mampu membantu beliau meningkatkan produktiviti mingguan sehingga 1,200 biji kek.

"Sekarang saya mampu hasilkan lebih kurang 800 biji kek (pelbagai) dalam masa seminggu, oleh itu apabila pusingan modal melalui TUTM ini, diharapkan dapat merealisasikan peningkatan dari segi pengeluaran," ujar pengusaha bakeri berkenaan.

Peminjam : HOE CHIEW SENG - 67021307****
NO.24 LORONG JAMBU 6,
TAMAN JAMBU 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHONG CHOON CHUAN - 64072302****
5 LORONG MAKMUR 2/1,
TAMAN MAKMUR 3, 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : TAN HAI POO - 52100310****
32 LORONG MACHANG BUBUK 17,
TAMAN MACHANG BUBUK
14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 1421
Peminjam : LIM ENG LIONG - 71030807****
NO. 6 JALAN SETIA IMPIAN U13/2,
SHAH ALAM 40170 SELANGOR
Penjamin 1 : LIM PENG YAK - (MENINGGAL DUNIA)
3257 JALAN KILANG
14300 NIBONG TEBAL,
SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : YEOH KOK WAH -(MENINGGAL DUNIA)
NO.2 LORONG KAYA,
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 1455
Peminjam : TEH CHEE HIONG - 70022307****
953 JALAN PERMATANG RAMBAI
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : TAN TIAN SEONG - 55020107****
NO. 1021 PENAGA, 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : EWE CHIN HOOI - 40042207****
8 TINGKAT PAHLAWAN 16,
TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 1461
Peminjam : DEVADASS A/L SANTHANAM - 71080507****
634 JALAN LOBAK 15, TAMAN LOBAK INDAH
09600 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : PANEER SELVAM A/L VADI VELLOO -
64071707****
15 JALAN SERI CENDANA 2, TAMAN SERI
CENDANA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SATHIANATHAN A/L SANTHANAM -
49042407****
634 JALAN LOBAK 15, TAMAN LOBAK INDAH
09600 KULIM, KEDAH

No Akaun : 1467
Peminjam : ANBALAHAN A/L M SHANMUGAM -
64022307****
115 PADANG TAMAT, PENGKALAN HULU
33100 PERAK
Penjamin 1 : ABDUL MANAF BIN MEERASA - 64052607****
5-2-4 PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI
NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BANDURINGGU A/L RANGOTAVA -
55042107****
543 JALAN S2 D19, TAMAN ACACIA CITY
HOMES SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN

No Akaun : 1472
Peminjam : HENG GUAN KENG - 68091407****
1A-09-02 PLATINO CONDOMINIUM,
NO. 1 PERSIARAN TUNKU KUDIN
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HENG THENG HEE - 53021571****
16 TINGKAT KURAU 4,
CHAI LENG PARK 13700 PRAI
Penjamin 2 : HENG THENG HAI - 61050207****
NO. 18 LORONG SEMBILANG 33,
13700 SEBERANG JAYA , PERAI

No Akaun : 1504
Peminjam : PARIMALA A/P VADIVELLOO - 69091907****
49-A JALAN DESA PERMAI 2, TAMAN DESA
PERMAI, BANDAR SG LONG
43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : MUNIANDY A/L GOVINDASAMY -
62042007****
NO. 8 JALAN KIARA SD 11/3H, BANDAR SRI
DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NANDAGOBEN A/L SINGARAVELU (G/14040) -
63073107****
IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG, JALAN
GEDUNG RAJA ABDULLAH
41560 KLANG, SELANGAOR

No Akaun : 1559
Peminjam : ZULKIFLY BIN OTHMAN - 72022507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ROBIAH BT CHE MAT - 57021507****
NO. 624 PERMATANG RAMBAI
13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : MAIYAH BINTI OTHMAN - 51051407****
748-C BLOK I TAMAN TUN DR AWANG
13000 BAGAN AJAM, BUTTERWORTH

No Akaun : 1578
Peminjam : SHAMSUDIN BIN HOOSIAN - 72101007****
856 PERSIARAN TKP, TAMAN KANTAN
PERMAI 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : HARUN BIN HOOSAIN - P59***
12-3-3 SOLOK SG ARA DUA,
SUNGAI ARA,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROKIAH BINTI HOOSAIN - 55010171****
12-3-3 SOLOK SG ARA DUA, SUNGAI ARA,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 1592
Peminjam : MOHD AMIN BIN SAMSUDIN - 71083007****
345 C JALAN HAJJAH REHMAH,
JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDULLAH BIN MOHAMED TAIB - 5911***
372-C JALAN HAJJAH REHMAH
11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL MALIK B NAINA MUHAMMAD -
A0410***
372-C JALAN HAJJAH REHMAH
11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 1602
Peminjam : ABDUL HALIM BIN HUSAIN - 60060807****
NO. 21 JALAN KMP 2B/1, KOTA MALIM PRIMA 35900 TANJUNG MALIM, PERAK
Penjamin 1 : HAMDAN BIN HJ OMAR - (MENINGGAL DUNIA)
KAMPUNG HELANG BATU, RELAU, BANDAR BAHARU 34950 KEDAH
Penjamin 2 : AHMAD NIZARUDDIN BIN TAN (RF 75811) - RF 75***
CAW. KERETA PERONDA (MPV),
IBU PEJABAT POLIS DAERAH HILIR PERAK, 36000 TELUK INTAN, PERAK

No Akaun : 1611
Peminjam : WAN SHAFIZAH BINTI HUSSAIN - 71110607****
301-N JALAN DATO KRAMAT, GEORGETOWN
10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAHARAH BT MAAROF - 49120807****
KB4-3 FLAT, TAMAN FREE SCHOOL 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHARIFF ZAINOL BIN SHARIFF HUSSAIN - 62012507****
NO. 301 N KAMPUNG MAKAM, DATO KRAMAT ROAD
10150 PULAU PINANG

# Hotel Iconic, harap tambah keunikan Seberang Perai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



RUPA bentuk Hotel Iconic.



(Duduk, dari kanan), DR. Afif Bahardin, Abdul Malik Abul Kassim dan Maimunah Mohd. Sharif ketika hadir pada Majlis Perasmian Pembukaan Hotel Iconic di sini baru-baru ini.

**BUKIT TENGAH** – Hotel Iconic bertaraf empat bintang yang baru dibuka di sini sejak Jun lalu berjumlah kos pelaburan RM60 juta.

Sesuai dengan nama hotel itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap ia akan menambahkan lagi keunikan daerah Seberang Perai Tengah, khususnya Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tengah.

"Untuk menjadi bandar bertaraf antarabangsa, bukan sahaja dengan menjadikan bahagian pulau bertaraf antarabangsa, malah di bahagian Seberang Perai juga supaya lebih unik dan menarik pelabur.

"Saya percaya dengan pembukaan Hotel Iconic ini, taraf industri perhotelan dekat Seberang Perai dan negeri ini akan mengorak mara ke satu lagi tahap baharu," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Hotel Iconic di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II); Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna); Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan); Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan; Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) turut sertai majlis itu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Guan Eng memberitahu, sejak tahun 2008, Hotel Aroma dekat Butterworth, The Light Hotel dekat Seberang Jaya, Hotel Ixora dekat Perai dan terbaru Hotel Iconic dekat Bukit Tengah merupakan antara hotel-hotel utama dibuka di Seberang Perai.

Sebelum itu, Pengerusi Kumpulan Iconic, Datuk Tan Kean Tet dalam ucapannya memberitahu, sebanyak 195 kamar Hotel Iconic menawarkan tiga jenis rekabentuk bilik unik, selain sajian makanan serta pelbagai kemudahan lain.



# KN sentiasa letak keutamaan tinggi terhadap alam sekitar - KM

**BAYAN LEPAS** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pembangunan yang dirancang di negeri ini perlulah diseimbangkan agar tidak menjejaskan alam sekitar.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas persoalan yang diajukan pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari dan Dialog Bersama-sama Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, kerap kali isu berkaitan dibangkitkan melalui media massa, namun beliau memberi jaminan bahawa ia bukanlah sesuatu yang kontroversi.

"Isu ini akan menjadi sensitif kepada mereka yang mahu menjadikannya kontroversi, dan akan sentiasa menjadi isu perlu dipertimbangkan setiap kali kita (Kerajaan Negeri) merancang sesuatu pembangunan," ujarnya.

Pulau Pinang, kata Guan Eng, tidak akan menjadi masyhur seperti hari ini sekiranya pucuk pimpinan dan rakyatnya masih kekal dengan sikap tidak berbuat apa-apa.

"Apa yang kita lihat hari ini adalah cetusan pandangan jauh pemimpin pada masa lalu yang merasakan bahawa pendirian 'belum cuba, belum tahu' perlu, dan sudah pastinya tanpa menjejaskan alam sekitar.

"Malah, **Kerajaan Negeri pada hari ini, masih berpegang kepada pendirian tersebut bagi memastikan anak cucu kita pada masa hadapan dapat menikmati langit yang cerah, lautan yang biru dan bukit yang menghijau**," ujarnya yang turut mengaitkan inisiatif Kerajaan Negeri menanam semula 16 batang pokok bagi memberi laluan terhadap projek pelebaran jalan di Jalan Masjid Negeri sebagai salah satu contoh terbaik pembangunan yang seimbang.

Tambah Guan Eng, **sejak 2008, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan keutamaan tinggi terhadap alam sekitar termasuk mengurangkan kesan alam semula jadi melalui perancangan, pelaksanaan dan kebolehlaksanaan dasar-dasar pembangunan negeri.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) tidak pernah membenarkan pembalakan di hutan simpan kekal di Pulau Pinang, malah tidak seinci persegi pun boleh ditebang.**

**"Malah, ketelusan, kebertanggungjawaban dan komitmen Kerajaan Negeri terhadap alam sekitar tidak pernah diabaikan.**

**"Buktinya, sejumlah 271,000 batang pokok baru ditanam di seluruh negeri sejak tahun 2008**," katanya yang turut memberi jaminan bahawa Pulau Pinang menuju ke arah sebuah negeri hijau yang sesuai didiami berlandaskan pembangunan yang mampan tanpa mengabaikan perlindungan alam sekitar.

Turut hadir pada majlis tersebut, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta Ketua-ketua Jabatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.



**"271,028 pokok telah ditanam sejak tahun 2008 oleh pelbagai agensi kerajaan, pemaju-pemaju, NGO dan komuniti setempat"**

Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.

## SMK Padang Polo pertahan kejuaraan Pertandingan Kitar Semula Kategori SM

Oleh: **SYARAFANA ALI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Sebanyak 90 sekolah rendah, menengah dan pra-sekolah mengambil bahagian dalam penganjuran pertandingan kitar semula dan bersaing merebut hadiah berjumlah RM27,951.80.

Pertandingan yang diadakan selama empat bulan mulai 11 April hingga 12 Ogos lalu bertujuan memupuk kesedaran umum terutama mereka yang masih di bangku sekolah.

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Ang Aing Thye berkata, kempen anjuran bersama syarikat Fraser & Neave (M) Sdn. Bhd. (F&N) berkaitan dapat membuka ruang kepada pihak sekolah untuk memperhebatkan usaha ke arah memastikan inisiatif Kerajaan Negeri sebagai sebuah negeri yang bersih dan hijau tercapai.

"Sekolah merupakan entiti yang amat penting bagi membudayakan amalan kitar semula dan menjadi agen pelaksana pengurusan sisa kitar semula.

"Umum mengetahui, sejak 1 Jun lalu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang bukan sahaja menjadi tanggungjawab MBPP, malah semua pihak dalam menjayakannya, termasuklah pihak sekolah," ucapnya ketika merasmikan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2016 di Komtar 7 September lalu.

Hadir sama, Pengurus Hal Ehwal Korporat Syarikat F&N, Careissa Goh, barisan Ahli Majlis MBPP serta wakil-wakil penganjur.

Bagi tahun ini, semua sekolah yang menyertai pertandingan tersebut berjaya menghasilkan 127.194 tan sisa iaitu peningkatan sebanyak 31.70 peratus berbanding tahun lalu, hanya 96.576 tan sisa.

Begitu juga penyertaan sekolah di bahagian pulau meningkat kepada 90 sekolah daripada 209 sekolah keseluruhannya.

Penganjuran pertandingan kitar semula berkenaan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd..




MAHANI Mohd. (tengah) bersama-sama guru pengiring dan anak muridnya menunjukkan piala pusingan dan hadiah wang tunai yang dimenangi.

### *Apa kata pemenang:*

"Pertandingan kitar semula menyatukan bukan sahaja guru dan pelajar di sekolah, malah juga ibu bapa yang turut terlibat dalam menjayakan inisiatif ini.

"Tanpa sokongan semua pihak, tidak mungkin kami boleh fokus dan menang untuk tahun kedua berturut-turut bagi Anugerah Utama Kategori Sekolah Menengah," kata **Penolong Kanan Ko-Kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Polo, Mahani Mohd.**



LOO Bee Leng.

"Pihak sekolah telah melaksanakan kempen kitar semula sejak lima tahun lalu dan kami komited untuk melaksanakannya demi kelestarian alam sekitar.

"Pastinya kami gembira apabila dinobatkan sebagai juara bagi Anugerah Utama Kategori Sekolah Rendah, wang hadiah ini akan disalurkan ke tabung Kelab Kitar Semula untuk pelaksanaan program pada masa hadapan," ujar **Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Eng Chuan, Loo Bee Leng.**

# Sistem Perkongsian Basikal, pengangkutan alternatif umum

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA – Mulai tahun depan, orang ramai boleh cuba menggunakan Sistem Perkongsian Basikal sebagai alternatif pengangkutan di 25 lokasi terpilih sekitar George Town hingga Pusat Membeli-belah Queensbay.**

Pengarah Fast Rent Bike (Penang) Sdn. Bhd. (Fast Bike), Ken Yeoh berkata, orang ramai boleh menikmati kemudahan tersebut dengan kadar RM3 untuk pas harian atau bayaran mengikut jam.

"Sistem deposit atau pengesahan kod digunakan bagi memastikan basikal dipulangkan semula.

"Antara lokasi dicadangkan pembinaannya ialah terminal feri, Fort Cornwallis, Padang Kota Lama, Lebuh Armenian, Jalan Masjid Kapitan Keling dan lain-lain," katanya pada Majlis Perasmian Sistem Perkongsian Basikal di Taman Bandaraya di sini baru-baru ini.




**CONTOH pusat perkongsian basikal yang bakal diwujudkan di sekitar George Town hingga Pusat Membeli-belah Queensbay.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran CFAL di sini baru-baru ini.**

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Pengerusi Kelab Berbasikal G, Dr. Lim Seh Guan.

Guan Eng dalam pada itu menyatakan bahawa sistem berkaitan mampu menjadi salah satu pengangkutan alternatif kepada masyarakat umum di negeri ini.

"Pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya berbasikal," ujarnya.

Guan Eng sebelum itu melepaskan lebih 3,700 peserta kayuhan Campaign For A Lane Ke-8 (CFAL) sebagai memberi kesedaran kepada pengguna kenderaan bermotor mengenai keperluan serta kepentingan perkongsian jalan raya bersama-sama penunggang basikal.

Fast Bike merupakan syarikat pengendali yang bekerjasama dengan MBPP bagi pelaksanaan projek Sistem Perkongsian Basikal di negeri ini.

## Sasaran 30% wanita pembuat dasar, masih jauh untuk dicapai - Rashid




**MOHD. Rashid Hasnon (depan, bersongkok) dan Chong Eng (depan, sembilan dari kanan) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta Persidangan Kebangsaan Jantina dan Perubahan Elektoral di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN – Catatan 15 peratus perwakilan membabitkan golongan wanita dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang adalah melebihi jumlah purata kebangsaan.**

**Malah, pada tahun ini, Kerajaan Negeri turut meningkatkan jumlah peratusan pembabitan wanita sebagai ahli majlis di kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) sebanyak 8 peratus iaitu 20 peratus bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), 12 peratus.**

**Ia tidak termasuk Datuk Bandar MBPP dan Yang di-Pertua MPSP yang juga adalah daripada golongan Hawa.**

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Jantina dan Perubahan Elektoral di sini baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun terdapat penambahbaikan di Pulau Pinang dan Selangor berhubung perwakilan daripada golongan wanita, keseluruhannya, Malaysia masih berada jauh ke belakang.

"Purata perwakilan wanita di dunia sebagai ahli parlimen adalah berjumlah 22.7 peratus. Rwanda mendahului dengan 63.8 peratus, Jerman (36.5 peratus), Singapura (23.8 peratus) dan Indonesia (17.1 peratus).

"Di Malaysia, hanya 13 peratus wanita memegang jawatan menteri, ahli parlimen (10.8 peratus), senator (21.9 peratus) dan Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN (11.5 peratus). Situasi ini menunjukkan bahawa kita (Malaysia) masih jauh untuk mencapai sasaran minimum 30 peratus penglibatan wanita di parlimen," ujarnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Chong Eng dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Persidangan tersebut diajurkan oleh PWDC dengan kerjasama badan pemikir negeri, *Penang Institute* (PI) dan *Friedrich-Ebert-Stiftung* (FES International).




**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran *Delta Eco Night Run 2016* di sini baru-baru ini.**

## Program larian semarak semangat Merdeka peserta

**SEMARAK KEMERDEKAAN...** Kira-kira 1,000 peserta *Delta Eco Night Run 2016* tidak melepaskan peluang menyambut ambang Kemerdekaan di Taman Bandaraya di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Pada acara larian tersebut, para peserta yang melepasi had kelayakan masa 45 minit bagi Kategori Kompetetif membabitkan jarak larian 10 kilometer (km) dan 90 minit (Kategori Bukan Kompetetif, 3km) masing-masing menerima pingat khas, *glow in the dark*.

Tepat pada jam 12 tengah malam, para peserta bersama-sama melaungkan laungan 'Merdeka' sambil disambut dengan percikan bunga api.

# P. Pinang salah satu destinasi pelancongan halal tumpuan - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Restoran dalam kapal persiaran mewah, *Costa Victoria* kini dalam proses permohonan pensijilan Halal Malaysia.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, *Costa Victoria* telah melengkapkan prosedur permohonan secara atas talian bagi dapur utama, dan proses penilaian seterusnya akan dilaksanakan oleh Lembaga Halal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Objektif permohonan pensijilan Halal Malaysia ini adalah untuk memenuhi permintaan pelancong yang beragama Islam.

"Ini (permohonan) merupakan kali kedua *Costa Victoria* memohon pensijilan Halal Malaysia.

"Tahun lalu, restoran dalam kapal persiaran mewah ini sudahpun menerima pensijilan Halal Malaysia," ujarnya pada sidang media di sini 9 September lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Datuk Sazali Hussein; Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Pulau Pinang (Halal Penang), Faizal Ibrahim dan Timbalan Pengarah Perdagangan dan Pemasaran Costa Cruises, Winnie Wong.

Turut sama, wakil-wakil dari Halal Penang, *Penang Global Tourism* (PGT) dan Hwajing Travel Sdn. Bhd..

> "Sejak 2008, melalui inisiatif Halal Penang, sejumlah 914 premis telah memperoleh pensijilan halal (berdasarkan statistik sehingga Ogos 2016)." Abdul Malik.

Abdul Malik dalam pada itu turut memaklumkan bahawa **Kerajaan Negeri melalui Halal Penang giat melaksanakan promosi dan pembangunan industri halal melibatkan semua sektor termasuk pelancongan.**

**"Terkini, Halal Penang sedang menjalankan usahasama dengan beberapa agensi pelancongan di Timur Tengah untuk membawa masuk lebih ramai pelancong dari sana.**

**"Dan Pulau Pinang merupakan salah satu destinasi pelancongan halal yang kian meningkat dan menjadi tumpuan pelancong beragama Islam.**

"Oleh itu, usaha yang dilakukan oleh *Costa Victoria* dengan menawarkan hidangan halal di atas kapal persiaran tersebut perlu dicontohi dan dipuji.

"Bukan sahaja pelancong di Asia Tenggara, malah pelancong dari Timur Tengah kini boleh belayar di atas kapal *Costa Victoria*," ujar beliau.




**ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menerima cenderahati daripada Winnie Wong (dua dari kanan) pada majlis sidang media di sini 9 September lalu.**

---

BERSATU DAN SETIA

## PERADUAN MELUKIS POSKAD

TEMA **"Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari"**

**HADIAH UTAMA**
**Pertama: RM400**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori: 1) Pelajar Sekolah, Kolej & IPT
   2) Terbuka
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang meggunakan kertas jenis kad keras 100 gram dan ke atas sahaja diterima.
7. Setiap set penyertaan perlu mempunyai 4 lukisan poskad bertemakan 'Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari'.
8. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
9. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup penyertaan, **1 Oktober 2016.**

**Kategori : ..................**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) : ____________

Emel: ______________________

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*

# Jom, ke *The TOP* Komtar!




*Penang State Gallery* dan *Durian The King of Fruits* yang bakal beroperasi.




PINTU masuk *The TOP* melalui *Komtar Walk.*

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & ALISSALA THIAN**

**SEBAGAI** anak jati Pulau Pinang, Komtar bagi saya merupakan mercu tanda Pulau Mutiara yang tersemai sejak kecil.

Apabila bergelar penjawat awam, masa saya banyak dihabiskan di bangunan ini (Komtar).

Dalam tempoh lima tahun, saya melihat Komtar telah ditransformasikan, berubah dari sebuah bangunan 'suram' kepada sesuatu yang memiliki banyak tarikan kini.

Hari ini, jika anda bertandang ke Komtar, tempoh masa dua jam adalah tidak mencukupi!

Apakan tidak! Di bangunan Komtar sahaja, terdapat beberapa tarikan baru seperti *Tech Dome Penang* (TDP), Muzium Komik, *ICT Mall,* Pusat Membeli-belah Pacific (Pacific) dan *Komtar Walk*.

Bergabung terus dengan bangunan Komtar, terdapat beberapa pusat membeli-belah seperti *Prangin Mall dan 1st Avenue*.

Terbaru, di tingkat 5 bangunan Komtar, saya dan nescaya umum, akan terpegun dengan konsep futuristik lokasi santai khususnya bagi mencuba menu-menu baru popular di *The TOP.*

*The TOP* boleh diakses melalui lif bangunan Komtar berdekatan dengan eskalator Pacific atau menerusi *Komtar Walk*.

*The TOP* menawarkan lebih daripada 15 lot komersial yang beroperasi setiap hari termasuk hari cuti umum.

Menjanjikan lebih pilihan menu, ia dilengkapi dengan keunikan 10 restoran seperti *Chocolate Passion,* restoran makanan segera *Marrybrown, Richdad, Coco Cabana Bar & Bistro, Grand Imperial Restaurant, Only Mee, U Pop I Scream, Umi, Japan Food Street* dan *Top View Restaurant & Lounge*.

Bagi golongan kanak-kanak, dinasour robotik pastinya menjadi pilihan!

Sebagai tambahan, beberapa taman tema kanak-kanak berkonsep juga kini giat dinaiktaraf, antaranya, *7D Discovery Motion Theatre, Jurassic Research Center, Magic Mirrormaze, TOP Boutique Aquarium, Dino Gym* dan *Musical Carousel*.

Malah, *The TOP* bakal dilengkapkan dengan tarikan *Penang State Gallery* dan *Durian The King of Fruits* tidak lama lagi.

Apa tunggu lagi, jom!!



PENULIS ketika bersantai bersama dua rakan sekerja lain.



SUASANA futuristik *The TOP.*




PARA kakitangan *The TOP* memperagakan dinasour robotik yang menjadi tarikan utama kepada golongan kanak-kanak.



PENTAS utama bagi penganjuran majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi.

# Liat bayar cukai taksiran, MBPP ambil tindakan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Ekoran gagal melunaskan bayaran cukai taksiran melebihi tempoh 10 tahun, masing-masing sebuah unit kediaman di Lebuh Macallum dan premis komersial (di Komtar) disita dalam operasi khas dijalankan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Malah, dalam serbuan berkaitan, pemilik sebuah unit kediaman di Jalan Macallum dikehendaki hadir ke pejabat MBPP pada kadar segera setelah enggan 'mengakui' notis kenyataan yang dibacakan.

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, tindakan menyita premis dan unit kediaman terlibat adalah mengikut tatacara pengendalian piawaian (SOP) ditetapkan setelah penghantaran notis peringatan serta amaran dibuat berkali-kali.

"Dalam operasi seperti ini, kita (MBPP) tidak pilih kasih. Setakat ini, kita (MBPP) menyasarkan pemilik-pemilik yang terlalu tegar dan liat untuk membayar cukai taksiran, terutamanya yang melebihi tempoh 10 tahun.

"Cukai taksiran adalah amat penting kepada MBPP dan ia merupakan sumber utama.

"Sekiranya orang ramai enggan membayar cukai tafsiran, Majlis tidak dapat beroperasi dengan efisien dan tidak mampu membina infrastruktur serta kemudahan untuk rakyat," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu, premis komersial yang disita di Komtar sebelum ini berdaftar sebagai kedai jahit dan dikenalpasti memiliki tungakan melebihi RM36,000 membabitkan tempoh 20 tahun.

"Bagaimanapun, ketika serbuan, penyewa dipercayai telah berpindah ke tempat lain.

"Manakala, bagi dua unit kediaman di Jalan Macallum, pemilik dikenalpasti gagal melunaskan cukai (taksiran) melebihi RM2,000 dalam tempoh sembilan tahun dan 12 tahun.



KAKITANGAN MBPP cuba 'membuka' pintu premis di Komtar dalam operasi khas yang dijalankan.



Tuan/Puan,

OPERASI SITAAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

2. Dimaklumkan pihak majlis telah memecahbuka premis tuan/puan untuk menyita harta mudahalih kerana terdapat tunggakan cukai taksiran yang BELUM dijelaskan oleh pihak tuan/puan.

3. Premis ini telah dikunci semula bagi tujuan keselamatan dan pihak tuan/puan diminta untuk menghubungi majlis di talian 04-2291179 (Unit Setor Jabatan Penguatkuasaan) waktu operasi 8.30 pagi hingga 10.00 malam untuk urusan pengambilan kunci.

4. Sekian Terima Kasih

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

NOTIS yang diletakkan di premis-premis berkaitan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (dua dari kiri) menerima siijil MBOR daripada Christopher Wong Hong Wai sambil diperhatikan Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud pada majlis penyampaian yang berlangsung di sini baru-baru ini.

# 6 sijil pengurusan berteraskan kualiti, MBOR iktiraf MPSP

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat kali kedua memperoleh pengiktirafan daripada *The Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara yang berjaya memperoleh enam pensijilan bagi sistem pengurusan berteraskan kualiti.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy mengucapkan syabas kepada semua warga MPSP, terutamanya Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif ekoran pengiktirafan berkaitan.

"Pensijilan sistem pengurusan berteraskan kualiti antaranya bagi memastikan usaha-usaha MPSP dilaksanakan dengan lebih teratur.

"Selain itu, ia juga bagi meningkatkan persepsi positif dalam tahap kepuasan pelanggan, menjimatkan kos pengurusan alam sekitar, menjimatkan kos dalam penjagaan alam sekitar serta menyediakan ruang kerja yang lebih konduksif," ucapnya pada Majlis Penyerahan Sijil MBOR kepada MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir menerima penganugerahan berkaitan ialah Maimunah sendiri. Turut sama, Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Eksekutif MBOR, Christopher Wong Hong Wai serta Ahli-ahli Majlis MPSP.

Sebelum ini, MPSP berjaya memperoleh sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS); Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO140001:2004 (EMS); Sistem Pengurusan Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007; Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS); Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS) dan ISO/IEC 27001:2013.

Maimunah dalam ucapannya menyatakan bahawa, penggunaan sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 adalah mensasarkan pengurangan risiko keselamatan maklumat dengan memelihara keselamatan aset informasi MPSP bagi menjaga kepentingan kakitangan dan para pemegang saham.

"Kini, MPSP dalam usaha untuk mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Aset (ISO 55001)," ujar beliau.



ANTARA peserta yang hadir pada penganjuran Program Hari Keluarga Briged Wanita Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

# Hari Keluarga, beriadah sambil erat hubungan

Gambar : **AHLI MAJLIS**

**ERAT HUBUNGAN...** Program Hari Keluarga Briged Wanita Teluk Bahang yang diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia baru-baru ini meriah serta mendapat sambutan menggalakkan.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, selain beriadah, program tersebut bertujuan mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum terutamanya golongan wanita di sini.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Dato' Abdul Halim Hussain dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Nur Zarina Zakaria.

Program yang diadakan di Dewan JKKK Kuala Jalan Bharu, Teluk Bahang itu turut diserikan dengan aktiviti senaman taichi, zumba, sukaneka dan cabutan bertuah.

# SPG, gajet parkir pintar elak dikompaun – Ahli Majlis

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Gajet parkir pintar pertama di Malaysia, Smart *Parking Gadget* (SPG) yang diperkenalkan syarikat S&S IT Innovations Technology Sdn. Bhd. (SSIT) untuk kegunaan umum ekoran pengenalan bayaran sistem parkir baru Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bukan sahaja mesra pengguna, malah memudahkan urusan harian.

Ahli Majlis MBPP, Joseph Ng Soon Siang berkata, penggunaan SPG mampu menjimatkan masa serta wang ringgit, pada masa sama memenuhi kehendak gaya hidup masa kini.

"Alat dikenali SPG ini memudahkan urusan pengguna.

"Ini kerana, **pengguna yang menggunakan SPG tidak perlu risau akan tempoh tamat masa meletakkan kenderaan di petak parkir MBPP. Apabila ingin keluar dari kenderaan, pengguna hanya perlu menekan butang 'mula' dan apabila selesai berurusan, kembali ke dalam kenderaan, tekan butang 'tamat'.**

**"Berbanding sekiranya menggunakan kupon (kertas), pengguna perlu menganggarkan tempoh masa berurusan**. Malah, apa yang sering terjadi adalah, pengguna sering disaman apabila tempoh berurusan adalah melebihi (tempoh masa) yang digores (di atas kupon)," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu bahawa buat masa ini, penggunaan alat SPG hanya untuk kawasan parkir di bawah seliaan MBPP.

"Selain mengelak berlakunya kesilapan anggaran tempoh masa berurusan ketika menggores kad kupon parkir, SPG juga merupakan gajet hijau yang menggalakkan penggunaan alat digital tanpa kertas.

"Pengguna hanya perlu tambah nilai secara atas talian atau ke kedai serbaneka 7-Eleven...cukup mudah," ujar.

**Bagi yang berminat untuk mendapatkan unit SPG, boleh layari laman sesawang, *www.spgautopark.com.my/* atau hubungi talian 04 - 640 2220/2221.**




**PENGARAH Operasi SSIT, Eric Voon (kanan sekali) menunjukkan gajet parkir pintar SPG yang mesra pengguna ketika ditemui di sini baru-baru ini.**

# Pertandingan fotografi popularkan lagi Pantai Bersih - YDP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif memuji inisiatif penganjur pertandingan fotografi menggunakan *hashtag #MyPantaiBersih* demi mempopularkan kembali destinasi pelancongan berkaitan di Butterworth.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Star Sanctuary Seberang Perai Photography (SSSPP) Awards 2016 baru-baru ini.

"Selain menggalakkan komuniti Seberang Perai berkarya melalui fotografi, inisiatif penganjur memanfaatkan media baru membawa kembali pengunjung ke Pantai Bersih untuk mengimbau keindahan dan kecantikan kawasan pelancongan itu," jelasnya di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Presiden Institut Arkitek Lanskap Malaysia, Prof. Madya LAr. Dr. Osman Mohd. Tahir yang juga Dekan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan LAr. Amos Ng (Pegawai Eksekutif Star Sanctuary Group).

Difahamkan, SSSPP Awards yang dianjurkan pada 16 April hingga 15 Julai lalu merupakan salah satu pengisian program di bawah Pelan Butterworth Baharu, sebagai pemangkin bagi merancakkan konurbasi ekonomi Wilayah Utara Seberang Perai.

MPSP dengan kerjasama penganjur, Star Sanctuary Land Sdn. Bhd. dalam tempoh lima tahun sehingga 2020 akan melaksanakan program pertandingan fotografi seumpama itu di bahagian Seberang Perai, selari dengan penganjuran Festival Pinggiran Butterworth (BFF).

Inisiatif mereka itu kemudian mendapat pujian Ahli Majlis MBPP, Syerleena Abdul Rashid yang turut berada di lokasi iaitu berhampiran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gelugor di Jalan Paya Terubong.


**JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2016**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

| Bil | No Rujukan | Tajuk | Tawaran dibuka kepada | Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **JKNPP 7/ 2016** | Cabutan Undi untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2016. | **Bahagian 1**<br>Semua<br><br>**Bahagian 2:**<br>Peniaga/ Pengusaha Pulau Pinang Sahaja<br><br>**Bahagian 3**<br>Semua | Tarikh :<br>**19 September sehingga 29 September 2016. (Hari Bekerja Sahaja)**<br><br>Tempat :<br>**Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang**<br><br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00 Tghari**<br>**2.45 Ptg – 4.15 Ptg** | Tarikh Cabutan Undi :<br>**11, 12 & 13 Oktober 2016 ( Selasa, Rabu & Khamis )**<br><br>Jam :<br>**9.00 Pg – 12.00Tghari (Pendaftaran)**<br><br>**2.00 Ptg – 5.00 Ptg (Cabutan Undi)** |
| 2 | **JKNPP 8/ 2016** | Sebut Harga untuk Lot Perniagaan dan Pameran sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2016. | Semua | | Tarikh Tutup<br>**14 Oktober 2016**<br><br>Jam :<br>**12.00Tghari** |

1. Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang ingin menyertai tawaran ini hendaklah mendapatkan borang penyertaan di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang penyertaan yang dijual dan **satu borang hanya terhad untuk satu lot sahaja**. **Borang tidak boleh difotostat**.
2. Dokumen **Sebut Harga** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas.

# Usahasama KN-JMB berjaya baik pulih Flat Merpati

Gambar : **ADUN**

**SEBERANG JAYA –** Penduduk Flat Merpati, Taman Tun Hussein di sini menghela nafas lega apabila Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan membaik pulih penempatan tersebut baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sejumlah RM194,000 diperlukan untuk membaik pulih flat berkenaan.

"RM13,800 daripadanya adalah hasil sumbangan badan pengurusan bersama (JMB) Flat Merpati. RM25,000 adalah daripada sumbangan Dr. Afif (Bahardin) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya. Selebihnya, adalah melalui peruntukan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!).

"Perkongsian ini menyerlahkan usahasama ke arah mensejahterakan penduduk di kawasan berstrata di Pulau Pinang," ucapnya pada Majlis Perasmian Membaik Pulih Flat Merpati di sini baru-baru ini.

Menyempurnakan majlis perasmian berkaitan ialah Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sambil ditemani Afif.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan perumahan antara 10 hingga 90 peratus daripada keseluruhan kos membaik pulih bagi rumah berstrata di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Bagi rumah pangsa, selain di bawah seliaan PDC, pihak berkaitan boleh membuat permohonan melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) yang disediakan Kerajaan Persekutuan setiap tahun.

"Walau bagaimanapun, sehingga hari ini, daripada 144 permohonan TP1M bagi tahun ini (2016) untuk mendapatkan bantuan kewangan membaik pulih kediaman bertingkat di negeri ini, tiada satu pun projek TP1M diterima atau diluluskan,'' jelasnya.




DR. Wan Azizah Wan Ismail (tengah, berbaju biru) bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan sebahagian penduduk Flat Merpati pada Majlis Perasmian Membaik Pulih Flat Merpati di sini baru-baru ini.

## Unit kondo sebagai rumah tumpangan diambil tindakan



PARA pegawai MBPP memeriksa dokumen berkaitan di hadapan sebuah unit kondominium yang dipercayai dijadikan rumah tumpangan dalam operasi di Jalan Kelawei baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PULAU TIKUS –** Hasil maklum balas awam dan siasatan lanjut, sebuah kondominium di Jalan Kelawei dipercayai dijadikan rumah tumpangan diserbu sepasukan penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Operasi yang dijalankan bersama-sama Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBPP berkaitan turut disertai Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Bercakap kepada pemberita, Wei Aik mendedahkan bahawa sejumlah 16 daripada 588 unit kediaman di kawasan tersebut dipercayai dijadikan sebagai rumah tumpangan.

"Ia merupakan satu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) 1991 kerana mengendalikan rumah tumpangan tanpa lesen sah.

"Jika disabit kesalahan, pemilik kediaman boleh dikenakan denda maksimum RM2,000 atau penjara selama setahun atau kedua-duanya sekali," jelas beliau.

Mengulas lanjut, Wei Aik memberitahu bahawa, kini, hanya pangsapuri perkhidmatan atau *service apartment* sahaja dibenar menjalankan operasi homestay atau penginapan jangka pendek.



ANTARA seni kraftangan menggunakan tanah liat yang dipamerkan pada Program Santai Briged Wanita Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

# Program Santai Briged Wanita Batu Lanchang

**MERIAH...** Program Santai Briged Wanita Batu Lanchang yang diadakan di perkarangan Pasar Batu Lanchang baru-baru ini menjadi tumpuan apabila kira-kira 500 pengunjung hadir memeriahkan acara.

Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Lanchang merangkap Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang yang hadir merasmikan program tersebut berasa teruja dan memuji pasukan penganjur ekoran inisiatif penganjuran berkaitan.

Selain zumba dan senaman taichi, turut mencuri tumpuan dan mendapat sambutan hangat adalah aktiviti jualan makanan.

# MP Bkt. Gelugor pindah lokasi pusat khidmat demi keperluan rakyat

**PINDAH DEMI PERLU RAKYAT...** Bagi memudahkan orang ramai hadir mendapatkan perkhidmatan perlu, Pusat Khidmat Ahli Parlimen (MP) Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dipindahkan ke lokasi lebih strategik di Jalan Paya Terubong (bersebelahan premis alat tulis dan sukan, *Young Ones* Air Itam) di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian pusat berkaitan disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Selain Ramkarpal, hadir memeriahkan majlis ialah ibunya, Gurmit Kaur; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin; ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai.

Ramkarpal ketika berucap menyatakan bahawa lokasi baru tersebut adalah lebih strategik dan mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi.



RAMKARPAL Singh beramah-mesra dengan ahli-ahli keluarga dan para penerima sumbangan komputer riba pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat MP Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

"Saya berpindah dari Desa Mawar (Farlim) ke sini (Jalan Paya Terubong), adalah bagi kepentingan dan keperluan para penduduk terutamanya untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkaitan," ujarnya pada majlis berkaitan.

Bersempena itu, turut diraikan adalah empat pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang masing-masing menerima sumbangan komputer riba daripada Ramkarpal. Mereka yang berusia 18 tahun ialah, Nur Syifa Syahirah Mohamad Zambri, Muhammad Amar Qayyum Azizan, M. Haripresath dan M.Venod Kumar.

Nur Syifa diwakili ibunya, Nazrina Mohd. Zain, 40. Begitu juga Muhammad Amar (Siti Fazlina Jainudin, 41).

Ketika ditemui, Nazrina dan Siti Fazlina merakamkan ucapan terima kasih kepada Ramkarpal yang mengambil inisiatif khas menyumbangkan kelengkapan berkaitan yang secara tidak langsung sebagai pengiktirafan kepada kejayaan anak-anak mereka.

Nur Syifa kini sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, manakala, Muhammad Amar (Universiti Teknologi Mara (UiTM), Permatang Pauh, jurusan Kejuruteraan).

## ADUN komited sumbang bekalan perlu remaja OKU

**SUMBANGAN BERTERUSAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer menyatakan komitmennya untuk terus menyalurkan sumbangan bantuan berupa susu khas dan lampin pakai buang kepada remaja kurang upaya (OKU), Mohd. Ridzuan Ismail, 18.

Kenyataan tersebut dinyatakan beliau selepas mengadakan lawatan serta menyampaikan sumbangan 12 tin susu ke kediaman Mohd. Ridzuan di Tingkat Sungai Gelugor 9, Seri Delima baru-baru ini.

"Saya minta apabila bekalan susu dan lampin habis, ayah adik Mohd. Ridzuan (Ismail Abu Bakar, 62) boleh terus berhubung dengan saya.

"Kita akan pastikan bekalan ini disampaikan secara berterusan," katanya pada lawatan berkenaan.

Turut serta, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh; Penghulu Kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor, Mohd. Rashid Jabbar.

Dalam pada itu, Ismail ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan bahawa anaknya menghidap demam panas selepas dilahirkan dan terus menderita sehingga kini.

"Saya ucapkan terima kasih kepada YB Rayer yang sanggup menyampaikan bantuan secara berterusan kepada anak saya," ujarnya penuh rasa syukur.



R.S.N. Rayer (dua dari kanan) dan Ramkarpal Singh (tiga dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke kediaman Mohd. Ridzuan Ismail di sini baru-baru ini.



TEH Yee Cheu (empat dari kanan) sambil memegang sekuntum bunga raya merakam gambar kenangan dengan barisan penganjur yang menjayakan Kempen Menanam Pokok Bunga Raya sempena sambutan Kemerdekaan Negara Ke-59 baru-baru ini.

## Tanam pokok bunga raya sempena bulan Merdeka

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**TANJUNG BUNGA** – Sejumlah 500 pokok bunga raya atau nama saintifiknya, *Hibiscus Rosasinensis* ditanam di 20 lokasi sekitar kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bunga dan Batu Feringghi baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu berkata, kempen menanam bunga yang dinobatkan sebagai bunga kebangsaan itu diadakan sebagai menyemarakkan lagi semangat Kemerdekaan negara.

"Bunga raya amat popular berbanding kini, diharapkan inisiatif yang dijalankan dapat mengembalikan 'kegemilangan' dan populariti tumbuhan berkaitan," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Selain Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, kempen berkaitan turut memperoleh sokongan daripada Balai Polis Tanjung Tokong, *Lions Club District 308 B2* dan Sekolah Antarabangsa Dalat.

Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0

# Tandas Bersih Pulau Pinang Lestari



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................................

Alamat: ..............................................

..............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..............................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2016** hingga **1 Oktober 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua : RM150**
**Ketiga : RM100**
**5 Hadiah Saguhati**